



# Bahasa Melayu dan Industri Pelancongan di Krabi



Dari Phuket ke Krabi.



Peniaga pasar malam di Krabi.

Setelah selesai penggambaran di Phuket, petang Ahad, 25 Mei 2014, kami meneruskan perjalanan untuk penyelidikan dan penggambaran di Krabi. Kami tiba di situ sekitar pukul 5.00 petang setelah melalui perjalanan sejauh 300 kilometer.

Setempainya di Krabi, kami mendaftar masuk di Hotel K. Mansion Krabi yang letaknya berhampiran dengan pusat pantai Krabi, kawasan tumpuan utama pelancong. Di situ, penyelidikan dan penggambaran bermula di kawasan pasar malam yang terdapat ramai peniaga yang beragama Islam yang boleh berbahasa Melayu. Kami melakukan penggambaran di situ hingga pukul 11.00 malam.

Keesokan paginya, setelah mendaftar keluar dari hotel, kami melakukan penyelidikan dan penggambaran

diteruskan di sepanjang kawasan pesisir pantai Krabi. Pantai Krabi yang letaknya di pesisiran pantai barat Thailand Selatan, merupakan kawasan pelancongan yang terkenal dan pesat membangun. Sepanjang tahun, ramai pelancong dari luar, terutamanya dari alam Melayu, seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei melancong ke situ. Situasi ini telah mendorong penggiat industri pelancongan untuk mendalami dan menguasai bahasa Melayu. Perkembangan ini turut memberikan kesan kepada penyebaran bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat tempatan.

Perkembangan ini juga turut mendorong ramai peniaga dari wilayah lain di Thailand Selatan untuk berhijrah ke sini. Menguasai bahasa Melayu dianggap satu kelebihan bagi peniaga dan pengusaha pelancongan untuk menarik pelancong dari alam Melayu berkunjung ke tempat

mereka kerana mereka dapat memberikan layanan istimewa. Kemampuan bertutur bahasa Melayu membolehkan mereka meraikan pelancong dengan lebih meyakinkan.

Setelah selesai penyelidikan dan penggambaran pagi itu, kami singgah bersarapan di kedai makan milik peniaga Muslim, sebelum



Penulis di kedai makan Muslim, Krabi.

bertolak pulang ke tanah air. Selain boleh berbahasa Melayu, peniaga tersebut turut menggunakan bahasa Melayu pada menu makanan dan juga pada papan tanda.

Selesai sahaja bersarapan, kami meneruskan perjalanan terakhir dari Krabi ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkla dan selamat tiba di situ sekitar pukul 2.30 petang setelah melalui perjalanan sejauh 300 kilometer. Setelah bertemu dengan Konsul Jeneral dan mengambil kenderaan yang ditinggalkan di situ, sekitar pukul 3.30 petang, perjalanan pulang diteruskan lagi menuju ke pekan Danok, pekan yang bersempadan dengan Bukit Kayu Hitam, Kedah. Kami tiba di situ pukul 5.30 petang.

Di situ kami melakukan penggambaran terakhir sebelum memasuki Bukit Kayu Hitam, Kedah. Bahasa Melayu sememangnya digunakan dengan meluas di situ kerana banyak pelancong dari Malaysia, terutamanya dari Kedah dan Perlis, yang selalu keluar masuk ke situ. Selain menggunakan bahasa Melayu, peniaga-peniaga di situ juga turut menerima wang

ia dalam urusan perniagaan  
 lum memasuki Bukit Kayu  
 selepas maghrib, kami  
 malam terlebih dahulu.  
 itu, barulah kami kembali  
 air melalui Bukit Kayu  
 dan terus ke penginapan  
 mi, di Hotel Bustani  
 edah. Kami tiba di situ  
 1.00 malam dan berehat  
 sebelum kembali ke  
 Lumpur. Esoknya, selepas  
 pan, kami bertolak kembali  
 a Lumpur pukul 10.00 pagi  
 amat tiba pukul 3.00 petang.  
 itu, bermulalah pula kerja-  
 pembuatan enam episod

Dokumentari Semarak Bahasa 3: Dari Kubang Pasu ke Segenting Kra. Semarak Bahasa 3 telah pun disiarkan di TV1 pada hari Sabtu, pukul 2.30 petang bermula pada bulan Oktober hingga Disember 2014. Setelah itu, pihak RTM telah menyiarkan siaran ulangannya pada bulan Januari dan Februari 2015.

Menurut Cikgu Nizam Abdul Jalil, guru Sekolah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Tualang, Temerloh, Pahang, beliau amat kagum terhadap usaha yang telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk menerbitkan dokumentari tersebut.



Cikgu Nizam Abdul Jalil, SMK Seri Tualang, Temerloh, Pahang,

Beliau melihat usaha tersebut dalam dua dimensi, iaitu dimensi semasa dan dimensi akan datang.

Untuk dimensi semasa, usaha jelajah kembara ilmu itu telah dapat menelusuri perkembangan bahasa Melayu yang berada di luar lingkungan pusat penutur jatinya. Dalam keadaan tertentu, bahasa Melayu seolah-olah ada yang hilang seperti yang dialami oleh keluarga Mahsuri, dan dalam keadaan lain pula ada kebangkitannya, seperti di sekolah. Bagi golongan pertengahan umur dan ke atas pula, mereka masih mengekalkan keupayaan bertutur dalam bahasa Melayu.


Untuk dimensi akan datang juga, Cikgu Nizam berpendapat kembara Semarak Bahasa ini akan mencatatkan sejarah dan rakaman bukti bahawa bahasa Melayu masih mampu bertahan biarpun berada jauh dari lingkungan penutur asalnya. Beliau berharap usaha ini diteruskan di kawasan-kawasan lain yang mencakupi kawasan linguistik bahasa Melayu.

Sementara itu, menurut Zairudin Hashim, peguam dan penulis blog yang mesra dengan panggilan Che Din pula, usaha pengumpulan data menerusi kaedah wawancara mahupun pemerhatian, adalah sangat signifikan dalam sesebuah dokumentari. Sesebuah dokumentari yang dipaparkan kepada masyarakat terbanyak, seharusnya bukan menjadi hiburan semata-mata, tetapi juga mampu membuatkan penontonnya lebih mahu berfikir dan berkeinginan untuk mengetahui lebih lanjut dengan topik dan isu yang diutarakan.

Dalam hal inilah, menurut Che Din, Semarak Bahasa telah berjaya memainkan peranannya untuk menyemai rasa cinta dan kasih kita kepada bahasa ibunda. Beliau berharap, pada masa akan datang akan ada lebih banyak usaha dan dana dilaburkan bagi menerbitkan program yang bermanfaat seperti itu. Selain itu, beliau mencadangkan agar Semarak Bahasa akan datang turut menjelajah ke Cape Town kerana



Zairudin Hashim, Peguam dan Penulis Blog



Muhammad Safwan Mohd Yusof, pelajar UKM.

Almarhum Syeikh Ahmed Deedat pernah menyatakan bahawa umat Islam yang paling kuat jiwanya ialah Melayu Cape Town. Malangnya, mereka sudah tidak mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dan mungkin situasi ini boleh dijadikan liputan.

Muhammad Safwan Mohd Yusof, pelajar Sarjana Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula menyatakan bahawa program Semarak Bahasa ialah satu usaha baik yang dibuat oleh DBP. Menurutnya, Semarak Bahasa telah membuka mata bahawa bahasa ini telah berkembang di merata tempat dan turut menjadi alat perpaduan dalam kalangan warga penuturnya.

Keunikan bahasa Melayu dengan variasi dialek masih lagi dipertahankan dan amat menarik apabila penutur dan pencintanya masih mengekalkannya walaupun berada di luar wilayahnya. Misalnya, orang Melayu di Satun masih dapat menggunakan dialek Kedah dalam kehidupan seharian mereka.

Akhir sekali, Muhammad Safwan berharap agar program Semarak Bahasa ini diteruskan lagi pada masa akan datang dengan



mengupas isu bahasa yang lebih mendalam. Masyarakat perlu didekati dan dijadikan sahabat untuk mudah menyalurkan buah fikir dan pemikiran bahawa kelangsungan martabat bahasa merupakan tanggungjawab bersama.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program Semarak Bahasa 3 ini. Mudah-mudahan dapat kita bertemu lagi dalam Semarak Bahasa untuk episod seterusnya. **DB**

